



# Hello Kampus

PAHANG

UM (29/1) HELLO KAMPUS - m/s 26 -

## UMP jayakan Kem Interaksi Pemimpin Muda di Kelantan

KUANTAN 28 Jan. - Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kem Interaksi Pemimpin Muda dengan melibatkan sebanyak 145 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Jambu Lawar di Machang, Kelantan baru-baru ini.

Kem selama tiga hari tersebut mendapat kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Machang dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah terlibat.

Majlis pelancaran kem disempurnakan oleh Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Machang, Abdul Wahab Mohamed.

Menurut Presiden Kelab In-Smartive, Asraf Ahmad, 23, ini sifat itu merupakan kesinambungan kerjasama Projek Kilauan Mutiara yang dilaksanakan kedua-dua pihak sejak 2012.

"Para peserta terdiri daripada pengawas sekolah, pengawas Pusat Sumber, pengawas Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), pengawas Briged Bestari, ketua kelas dan penolong ketua kelas mengikuti pelbagai modul khusus sepanjang kem itu diadakan," katanya dalam kenyataan di sini.

Dalam pada itu pengurus projek program tersebut, Adib Rahman Yusof, 20, berkata, antara aktiviti diadakan adalah gotong-royong di Rumah Sejahtera Pondok Hidayah II dan perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul di sekitar kampung berkenaan.



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa UMP gembira setelah menyertai Kem Interaksi Pemimpin Muda bersama masyarakat Kampung Jambu Lawar di Machang, Kelantan, baru-baru ini.